

**PENGGUNAAN MODEL KIPP DALAM PENILAIAN MATAPELAJARAN
KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA**

**DR. AZIZI HJ. YAHAYA
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SKUDAI JOHOR**

Abstrak

Soal selidik digunakan untuk tujuan kajian ini dan dibentuk berdasarkan model KIPP oleh Stufflebeam. Soal selidik diedarkan melalui pos dan juga diedar sendiri oleh penyelidik di Selangor, N.Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang dan Johor. Seramai 250 orang guru dan 150 pelajar menjadi responden dalam kajian. Kebolehpercayaan soal selidik berdasarkan kepada setiap dimensi yang terdapat dalam model KIPP ialah melebihi daripada 0.7. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk tujuan kajian ini. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa, dari segi dimensi konteks menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada sikap guru terhadap perubahan Kemahiran Hidup dan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan kerana terdapat banyak masalah yang timbul. Walau bagaimanapun dari segi kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan Falsafah Pendidikan Negara, dan keyakinan guru terhadap Kemahiran Hidup menunjukkan keberkesanan. Dari segi dimensi input, didapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar, dan latihan adalah tidak berkesan secara keseluruhannya. Sementara dari segi peruntukan kewangan, jadual waktu dan masa, dan pengetahuan guru menunjukkan keberkesanan yang tinggi. Dari segi dimensi proses, didapati cara penilaian projek yang dijalankan oleh guru secara keseluruhannya tidak berkesan, tetapi dari segi strategi pengajaran dan pembelajaran guru didapati berkesan.

Akhir sekali dari segi dimensi produk didapati pencapaian objektif Kemahiran Hidup secara keseluruhannya adalah tidak berkesan. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar-pelajar yang menunjukkan perubahan sikap, peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang baik.

Latar belakang Kajian

Di Malaysia, sejak 1970-an lagi telah terdapat beberapa pembaharuan dalam kurikulum. Di antaranya ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR, 1983) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1989). Pembaharuan kurikulum ini boleh dikatakan sebagai satu inovasi kurikulum yang utama atau reformasi yang menyeluruh (Jaffar, 1995; Noor Azmi, 1988).

Dalam setiap sistem pendidikan, perubahan yang dimulakan itu perlu memberi kesan positif. Tetapi ini bukanlah satu perkara yang mudah. Kebanyakan penyelidikan yang dilakukan dalam tahun 1960-an dan 1970-an menunjukkan bahawa kegagalan dan perkembangan, penyerapan, pengedaran dan pelaksanaan kurikulum baru adalah satu amalan yang biasa (Ramlah, 1992). Sistem pendidikan sentiasa mengalami banyak perubahan. Inovasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah dan untuk memperbaiki amalan semasa serta mempertingkatkan kualiti pendidikan di sekolah. Di Malaysia, pengenalan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1987 merupakan dua inovasi utama di dalam pendidikan negara. Perubahan-perubahan ini mempunyai pelbagai masalah baik dari segi penyebaran, pembangunan dan proses pelaksanaannya (Zaidatul, 1990; Nor Azmi, 1988). Ini berpunca daripada proses pelaksanaan sesuatu inovasi yang melibatkan satu perubahan di dalam amalan semasa.

Sesuatu pelaksanaan akan menjadi lebih rumit apabila sesuatu aspek inovasi di tafsir secara berbeza-beza oleh pelbagai pihak yang melaksanakannya. Di dalam bilik darjah, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini kepada murid-murid. Mereka ini bertanggungjawab untuk memperkenalkan inovasi dan kurikulum di sekolah. Untuk menjayakan sesuatu inovasi dalam kurikulum, guru-guru ini seharusnya diberi pendedahan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru untuk memenuhi kehendak inovasi tersebut.

Kualiti guru-guru bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran mereka sendiri tetapi juga bergantung kepada darjah motivasi mereka untuk menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut secara berkesan (Sharifah, 1990). Untuk menguasai tahap kecekapan yang lebih tinggi mereka perlu menjalani proses menambah, mendalami dan memahami dunia keguruan serta menguasai pelbagai kemahiran melalui latihan-latihan yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan berlakunya perubahan di dalam masyarakat pada amnya dan bidang pendidikan khususnya, guru-guru perlu mengemaskinikan tahap profesionalisme secara berterusan menerusi kursus-kursus dalam perkhidmatan. Dengan cara ini guru-guru yang terlatih dapat bersaing seiring dengan perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan dan pembangunan. Mereka akan merasa bahawa mereka dapat memberi sumbangan yang bermakna terhadap matlamat pendidikan negara dengan menyumbangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid di sekolah.

Rancangan KBSM merupakan satu langkah ke arah meningkatkan lagi mutu pendidikan dengan memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Tujuannya ialah untuk melahirkan rakyat yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara (Jaafar, 1995).

Untuk melaksanakan rancangan tersebut, kurikulum KBSM diubah mengikut kehendak negara. Antara pembaharuan-pembaharuan itu ialah pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mata pelajaran ini telah menggantikan beberapa mata pelajaran elektif lain seperti Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumah tangga dan Perdagangan.

Kemahiran Hidup

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran baru yang digubal mengikut kehendak perakuan-perakuan yang disarankan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1989). Perakuan-perakuan itu adalah seperti berikut:

'Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu perkukuhan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional', dan

'Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum mata pelajaran-mata pelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad pada bidang satu mata pelajaran elektif sahaja tetapi juga ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif yang lain'.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1989 m.s 88-90)

Mata pelajaran Kemahiran Hidup diperkenalkan sebagai menggantikan elektif seperti mata pelajaran Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumah tangga dan Perdagangan. Di dalam pendidikan komprehensif yang diamalkan sejak tahun 1965 hingga sekarang, murid-murid hanya perlu memilih salah satu daripada empat mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah rendah. Ini bermakna bahawa murid-murid hanya mengetahui isi kandungan mata pelajaran elektif yang berkenaan itu sahaja dan tidak akan mempelajari isi kandungan mata pelajaran lain yang juga berguna dalam kehidupan harian mereka. Ini bermakna murid-murid lebih mahir dalam satu kemahiran sahaja.

Objektif Kemahiran Hidup

Objektif Kemahiran Hidup adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar:

- a. Memperolehi pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran asas yang berteraskan kenal faham teknologi untuk berfungsi secara berkesan dalam urusan di rumah dan tempat kerja.
- b. Memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur bekerjasama, dan mengamalkan cara-cara kerja yang sistematik, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab.
- c. Menjalankan kerja-buat-sendiri, menyenggara dan membaik pulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan.
- d. Menyedari bidang kerjaya berkaitan dengan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan.
- e. Mengembangkan kefahaman dan mengamalkan prinsip asas perdagangan dan usahawan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan.
- f. Bertindak dengan bijak dan dapat menyesuaikan diri dalam keadaan teknologi dan masyarakat yang sentiasa berubah.
- g. Mengembangkan kemahiran mengendalikan urusan diri dan keluarga secara teratur, kemas dan bertanggungjawab selaras dengan nilai dan tatasusila masyarakat.
- h. Mencebur diri dalam kegiatan rekreasi yang sihat dan membuat kebajikan kepada masyarakat.
- i. Mengumpul dan memproses maklumat secara sistematik dan membuat keputusan yang berguna.
- j. Mengamalkan sikap dan tabiat yang baik terhadap sebarang kerjaya secara jujur serta menghormati dan menghargai kerjaya kolar biru.

Rancangan Pelaksanaan Kemahiran Hidup

Pelaksanaan KH terbahagi kepada dua peringkat iaitu KH Program Peralihan (KHPP) dan KH Bersepadu (KHB). KHPP dimulakan secara berperingkat pada tahun 1989 (Tingkatan satu) dan berakhir pada tahun 1991 (Tingkatan 3). KHB mengambil alih KHPP pada tahun 1991/1992 (Tingkatan 1) dan pada tahun 1993/1994 mata pelajaran ini diajar di semua peringkat. Perbezaan di antara KHPP dan KHB ialah KHPP tidak menggabungkan keempat-empat mata pelajaran elektif yang terlibat tetapi sebaliknya ia hanya menggabungkan hanya tiga mata pelajaran elektif sahaja. Sementara itu, KHB pula menggabungkan keempat-empat mata pelajaran elektif. Oleh sebab itulah KHB menggantikan KHPP yang dianggap tidak merangkumi kemahiran dalam erti kata yang sebenarnya. Rajah 1 menunjukkan pelajar dalam aliran Seni Perusahaan (SPU) dikehendaki mengambil 80 peratus daripada pelajaran utama mereka dan 20 peratus matapelajaran perdagangan. Bagi pelajaran perdagangan (PK) pelajar dikehendaki mengambil 80 peratus pelajaran perdagangan dan 20 peratus pelajaran seni perusahaan. Bagi pelajar Sains Rumah Tangga (SRT) dan Sains Pertanian dikehendaki mengambil 60 peratus subjek utama mereka, 20 peratus subjek perdagangan, dan 20 peratus subjek kemahiran manipulatif.

Rajah 2 menunjukkan pelajar dibahagikan kepada tiga jurusan iaitu Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT), Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Pertanian (SP). Mereka dikehendaki mengambil subjek teras seperti Kemahiran Manipulatif, Perdagangan, Keusahawanan dan Kekeluargaan.

Tujuan utama mata pelajaran KH dibentuk ialah untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran asas praktik, membina sikap berdikari dan keyakinan dalam melaksanakan urusan hariannya serta pembentukan daya inisiatif dan peluang yang ada padanya dengan bijaksana. Ia juga memberi persediaan asas yang lebih luas kepada pelajar untuk pengkhususan di peringkat Menengah atas.

	A	B	C	D
Ting. 1&2 1989	80% SPU 20% PK	80% PK 20% KM	60% SRT 20% PK 20% KM	60% SPN 20% PK 20% KM
Ting. 3	60% SPU 20% PK 20% KK	60% PK 20% KM 20% KK	40% SRT 20% PK 20% KK 20% KM	40% SPN 20% PK 20% KK 20% KM
	Pilihan A	Seni Perusahaan		(SPU)
	Pilihan B	Perdagangan		(PK)
	Pilihan C	Sains Rumah Tangga Sains		(SRT)
	Pilihan D	Pertanian		(SPN)
		Kemahiran manipulatif		(KM)
		Kekeluargaan		(KK)

Rajah 1. Pengagihan Tajuk-tajuk dari Elektif dan Mata Pelajaran Lain Bagi Kemahiran Hidup

Bahagian	Komponen
Teras 1	Kemahiran Manipulatif <ul style="list-style-type: none"> • Kerja logam/kayu/enjin dan elektrik (SP) • Pengurusan diri(ERT) • Perkebunan (Sains Pertanian) • Perdagangan dan keusahawanan <ul style="list-style-type: none"> • Kekeluargaan • Rekacipta
Pilihan	Kemahiran manipulatif tambahan Ekonomi Rumah Tangga Pertanian

Rajah 2. Struktur Susunan Kedudukan Kemahiran Hidup Bersepadu

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum (1989, m.s. 12-13) Penilaian Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup

Bentuk penilaian yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bergantung kepada beberapa faktor termasuk isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemampuan pelajar dan tujuan penilaian. Penilaian boleh dibuat secara lisan, pemerhatian berterusan dan penulisan. Bagi kerja amali dan contohan kerja projek, penilaian boleh dibuat secara berperingkat atau berdasarkan kepada hasil projek pelajar. Borang-borang khas yang 'standard' digunakan bagi tujuan penilaian. Markah-markah kerja kursus diambil kira bagi tujuan permarkahan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Sebanyak 60% markah diperuntukan untuk kerja kursus dan 40% untuk peperiksaan bertulis dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Oleh kerana mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran baru diperkenalkan, pihak Kementerian Pendidikan khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah menjalankan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru yang terlibat dalam program tersebut. Kursus-kursus tersebut bertujuan untuk mengorientasikan guru supaya mereka dapat melaksanakan kurikulum baru ini dengan jayanya. (Risalah Kursus Orientasi KBSM Untuk Kakitangan Sumber, 1987). Kursus-kursus diadakan di peringkat kebangsaan dan negeri bagi guru-guru untuk memperkenalkan kurikulum baru ini. Pada tahun 1988 kursus-kursus diadakan bagi guru-guru yang akan mengajar KH di Tingkatan 1 pada tahun 1989. Pada tahun 1989 pula kursus-kursus diadakan untuk guru-guru yang akan mengajar KH di peringkat Tingkatan 2 pada tahun 1990 dan seterusnya sehingga ke Tingkatan 3. Jabatan Pendidikan Negeri telah menjalankan kursus jangka pendek dengan tujuan memberi latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru.

Kelainan dari segi isi kandungan yang menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran dari segi kreativiti dan inovasi serta keusahawanan adalah aset yang sangat berguna untuk membentuk tenaga sumber manusia yang diperlukan dalam wawasan negara. Begitu juga kemahiran-kemahiran yang ditekankan di dalam dan di luar bilik darjah seperti kemahiran menggunakan berbagai peralatan tangan, menjahit, memasak, mencari maklumat, berkomunikasi, mengumpul dan menganalisis maklumat adalah juga pengalaman yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Pada dasarnya KH melatih pelajar-pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar di sekolah. Ini adalah selaras dengan pendapat Fatimah Don (1984) yang mengatakan adalah perlu untuk mewujudkan kombinasi dunia pekerjaan dengan pendidikan di sekolah.

Untuk menjayakan sesuatu perubahan, kursus-kursus jangka pendek diadakan dengan tujuan melatih guru-guru yang mengajar mata pelajaran KH. Pada tahun 1988 kursus-kursus diadakan pada guru-guru yang akan mengajar KH di peringkat Tingkatan satu pada tahun 1989. Mata pelajaran ini adalah satu mata pelajaran baru yang membawa perubahan perkembangan pendidikan dari segi pengetahuan dan kemahiran. Guru-guru yang terlibat pada mulanya tidak mempunyai kemampuan untuk mengajar perkara yang di luar bidangnya. Mereka terpaksa mempelajari perkara dan kemahiran yang baru. Jika mereka gagal menjalankan tugas dengan baik maka penilaian prestasi mereka melalui Sistem Saraan Baru (SSB) juga akan turut terjejas (Mardevan, 1991).

Untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KH, pihak sekolah perlulah menyediakan peralatan yang mencukupi supaya pelajar dapat belajar dalam keadaan yang memuaskan tanpa sebarang halangan yang boleh mengganggu proses pembelajaran (Rohana, 1996). Dari aspek persediaan bengkel, ladang dan rumah bunga perlu disediakan bagi melicinkan pelaksanaan kurikulum KH. Dengan adanya kemudahan tersebut latihan amali dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan daripada pihak lain (Rohana, 1996). Pelajar-pelajar akan bergerak ke tempat amali sementara guru akan menunggu di bengkel atau pun di ladang. Dengan cara ini murid-murid mempunyai tempat khas untuk menjalankan projek dan menyimpan hasil-hasil projek.

Bagi menjayakan lagi pelaksanaan KH ini keprihatinan pengetua juga perlu diambil kira. Kejayaan sesuatu reformasi di dalam pendidikan bergantung kepada keupayaan dan kegigihan pengetua di dalam menjalankan tanggungjawabnya. Oleh kerana jawatan pengetua merupakan jawatan tertinggi dan berpengaruh di sesebuah sekolah, maka sudah tentu kepimpinannya akan menentukan sesuatu kejayaan hasil daripada sesuatu perubahan yang hendak dilakukan di sekolah.

Dalam kajian ini persepsi guru dan murid digunakan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program KH. Sesuatu persepsi selalunya akan melalui proses melihat, merasa dan mengerti. Menurut Yahaya (1992) pula, persepsi perlu untuk menentukan pendapat, penerimaan atau rasa tidak puas hati terhadap apa yang dilihat dan dialami. Dalam erti kata lain, persepsi merupakan tanggapan atau pengamatan seseorang terhadap sesuatu. Tanggapan ini terbentuk berdasarkan pengalaman yang dilalui sama ada dengan cara melihat, merasa, mendengar, mengalami, memahami dan sebagainya.

Pernyataan Masalah

Sejak permulaan pelancaran mata pelajaran KH dalam KBSM banyak rungutan daripada guru-guru diterima di dalam media massa mengenai objektif KH. Jika objektif-objektif KH yang sedia ada kurang diberi penekanan, implikasinya nanti akan melahirkan generasi yang berbeza-beza dari segi kemahiran dan pengetahuannya kerana mereka ini dididik oleh guru dari pelbagai latar belakang dan mempunyai objektif yang berbeza. Ini sudah tentu akan memberi kesan yang kurang baik terhadap sistem pendidikan di negara Malaysia. Untuk menyediakan perancangan yang berkesan, timbul juga masalah di kalangan guru-guru yang tidak mempunyai keyakinan untuk mengajar KH (Ramlah, 1992) dan ada juga di kalangan guru mempunyai sikap yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sistem pendidikan kita.

Untuk menjayakan program KH perlu ada input-input yang mencukupi bagi memastikan program ini dapat berjalan dengan berkesan di antara input-input ialah pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada guru-guru. Kebanyakan kursus diajar oleh kakitangan sumber yang tidak diketahui akan kebolehan dan kecekapannya.

Selain daripada itu input-input seperti kelengkapan peralatan dan bengkel perlu mencukupi. Terdapat empat buah sekolah menengah di Port Dickson, tidak mempunyai peralatan dan bengkel khas yang mencukupi untuk pengajaran KH kerana sekolah tersebut tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Kekurangan peralatan dan tempat khas akan mengakibatkan pengajaran guru-guru KH kurang berkesan.

Pihak pentadbir sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan program KH. Pengetua yang prihatin mengetahui jumlah peruntukan kewangan yang disediakan. Abdullah (1992) dan Rutter(1970) mendapati bahawa keberkesanan sesebuah sekolah mempunyai pertalian dengan apa yang berlaku di dalam sekolah itu sendiri, iaitu di samping proses pengajaran dan pembelajaran yang bermutu, peranan pengetua itu sendiri yang akan menjadi penentuan.

Untuk melaksanakan program KH, strategi pembelajaran dan pengajaran perlu diambil kira. Melalui strategi yang sesuai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat dinilai. Jika guru-guru tidak mengamalkan strategi yang betul, berkemungkinan apa yang hendak disampaikan tidak akan berjaya disempurnakan dengan baik. Strategi-strategi pengajaran yang sesuai juga perlu ada untuk menilai projek-projek yang dibuat oleh pelajar. Pelajar-pelajar dikehendaki menyiapkan beberapa buah projek untuk dinilai oleh guru untuk tujuan PMR.

Untuk memperolehi produk yang berkesan secara keseluruhannya pelaksanaan KH, pencapaian dari pelajar perlu dinilai dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sejak mempelajari KH dari tingkatan satu hingga ke tingkatan 3. Dua aspek ini yang menjadi asas dalam penentuan keberkesanan mata pelajaran KH pada diri seseorang pelajar kerana dengan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik pelajar-pelajar dapat mengaplikasikannya di rumah. Setakat ini tidak diketahui sama ada pelajar-pelajar berjaya diberi pendedahan yang berkesan sama ada dari aspek pengetahuan dan kemahiran.

Objektif Kajian

Objektif Am

Objektif am kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran KH berdasarkan model penilaian KIPP.

Objektif Khusus

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

1. Menilai keberkesanan pelaksanaan matapelajaran KH dari dimensi konteks iaitu kerelevanan objektif KH dengan Falsafah Pendidikan Negara, masalah sebelum pelaksanaan KH dan sikap guru itu sendiri terhadap pembaharuan KH.
2. Menilai keberkesanan pelaksanaan matapelajaran KH dari dimensi input iaitu dari aspek keyakinan guru mengajar pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada, peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, peruntukan kewangan dan masa/waktu.
3. Menilai keberkesanan pelaksanaan matapelajaran KH dari dimensi proses iaitu strategi pembelajaran dan pengajaran dan strategi penilaian kerja kursus.
4. Menilai keberkesanan pelaksanaan matapelajaran KH dari dimensi produk iaitu dari aspek pencapaian objektif Kemahiran dan sikap pelajar selepas tamat tingkatan 3.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada 250 orang guru yang mewakili 100 buah sekolah dari Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan N. Sembilan dan Johor menjadi responden dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran KH dan kakitangan sumber sama ada yang berada di sekolah atau pun yang berkhidmat di Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri. Di samping itu juga penyelidik memilih seramai 150 orang murid-murid tingkatan empat yang menjadi responden dalam kajian ini dari Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan N. Sembilan dan Johor. Tujuan penyelidik memilih murid-murid tingkatan empat ini ialah murid-murid ini telah mengikuti pelajaran KH sejak tingkatan satu hingga ke tingkatan tiga.

Rekabentuk Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran KH berdasarkan kepada model penilaian KIPP oleh Stufflebeam. Menurut model ini, terdapat empat aspek yang hendak dinilai, iaitu konteks, input, proses, dan produk. Instrumen kajian ini dibentuk berasaskan kajian-kajian yang telah dijalankan dalam bidang berkenaan di dalam dan di luar negara dan pandangan juga diambil daripada tokoh-tokoh pendidikan di Malaysia mengenai pelaksanaan mata pelajaran KH.

Soalselidik digunakan dalam kajian ini dan diedarkan kepada guru-guru yang mengajar KH secara pos dan edaran sendiri yang telah menghadiri beberapa siri Kursus Dalam Perkhidmatan. Dengan cara ini dapatlah guru tersebut membuat keputusan mengenai kegunaan dan keberkesanan program KH.

Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru yang mengajar matapelajaran KH di sekolah-sekolah menengah yang telah menghadiri beberapa jenis kursus KH yang terdapat di dalam elektif yang mereka ajar.

Kursus Dalam Perkhidmatan KH Tingkatan satu peringkat kebangsaan diadakan pada bulan Disember 1988. Ia diadakan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak dan dihadiri oleh guru-guru dan pegawai-pegawai yang dilantik sebagai tenaga pengajar oleh setiap Jabatan Pendidikan. Kursus ini dihadiri juga oleh pegawai-pegawai Bahagian Kementerian Pendidikan lain, seperti

dari bahagian buku teks, Lembaga Peperiksaan, Maktab-maktab Perguruan, TV pendidikan dan bahagian pelajaran menengah MARA.

Bilangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran KH di seluruh negara adalah ramai, persampelan diambil di negeri tertentu sahaja seperti di Pulau Pinang, Kelantan, N. Sembilan, Johor dan Selangor. Walau bagaimanapun ia boleh dianggap sebagai mewakili sampel guru KH memandangkan semua sekolah ditadbir oleh kerajaan dan mempunyai sukatan pelajaran yang sama.

Terdapat 250 orang guru yang mewakili beberapa buah sekolah yang menjadi sampel kajian yang terdapat di Pulau Pinang, Kelantan, Johor, N. Sembilan dan Selangor dan seramai 150 orang murid-murid Tingkatan empat dipilih untuk kajian ini. Mereka ini dipilih secara rawak. Nama sekolah yang terlibat diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri, melalui kerjasama bahagian Teknik dan Vokasional. Dengan mengenalpasti sekolah dan guru-guru yang terlibat jumlah sekolah yang dipilih dapat dikurangkan. Tujuannya adalah untuk mengurangkan masa pentadbiran dan perbelanjaan pos. Di samping itu juga pemilihan pelajar seramai 150 orang bertujuan sebagai 'cross-check' dengan pernyataan guru supaya ia mempunyai persamaan dari kaca mata guru dan pelajar..

Untuk menentukan jumlah saiz sampel yang minimum iaitu 178 responden, maka penyelidik menggunakan formula Cochran's (1977) dipetik dari Ruhil (1992). Cara pengiraan formula ini terdapat di bawah ini;

d - ralat margin yang diterima $\pm 2\%$

S^2 - Varian dijangka 0.75

t - Kesanggupan mengambil risiko 1 dalam 20 ($t=1.965$)

N - Saiz populasi

n_0 - Sampel yang tidak diperbaiki.

n - Saiz sampel yang diperbaiki.

$$\begin{aligned} n_0 &= \frac{t^2 \times S^2}{d^2} \\ &= \frac{(1.965)^2 \times (0.75)}{(0.14^2)} \\ &= \frac{3.86 \times 0.75}{0.02} \\ &= 144.8 \text{ atau } 145 \end{aligned}$$

$$n = \frac{n_0}{1 + n_0}$$

$$\begin{aligned} &= \frac{145}{1 + 145} \\ &= \frac{145}{1.0279} \\ &= 141.1 \text{ atau } 141 \end{aligned}$$

Seramai 250 orang guru-guru KH dipilih untuk tujuan kajian ini. Saiz sampel ini digunakan kerana penyelidik menganggarkan sebanyak 75% yang akan melibatkan diri untuk menjawab soalselidik ini. Jumlah ini sesuai untuk memenuhi saiz sampel yang minimum dengan kadar 58% (Cochran, 1977).

Guru-guru yang dipilih adalah terdiri daripada mereka dalam pelbagai bidang elektif yang terdapat di seluruh negara. Pemilihan mengikut bidang elektif adalah seperti berikut;

Jadual 1

Bilangan Sampel Mengikut Elektif Di seluruh Negara

Bidang	Sampel Responden	Jumlah peratusan	Jumlah di seluruh negara
Elektif Sains Pertanian	80	8.5	939
Elektif ekonomi Rumah tangga	60	3.7	1608
Elektif Seni Perusahaan	70	4.5	1551
Elektif Perdagangan dan Keusahawanan	40	3.7	1092
Jumlah	250	4.8	5190

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992)

Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat-Alat Kajian

Untuk tujuan kajian ini, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen telah dibuat dengan menggunakan kajian rintis kepada 20 orang guru-guru KH. Ujian ini dibuat dengan menggunakan alpha Cronbach' koefisiensi kepada empat dimensi iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk yang menggunakan lima poin skala likert .

Hasilnya didapati aras kebolehpercayaan bagi dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk adalah tinggi di antara 0.70-0.85. Ini dapat ditunjukkan di dalam Rajah 4 seperti berikut;

Variabel	Reliabiliti koefisiensi (Alpha Cronbach's)
1. Konteks	
• Kerelevanan objektif KH dengan Falsafah Pendidikan Negara	0.7019
• Masalah guru-guru KH	0.7159
• Sikap guru terhadap perubahan	0.7784
2 Dimensi Input	
• Keyakinan mengajar guru-guru KH	0.8503
• Pengetahuan dan kemahiran	0.8834

Guru mengajar	0.7788
• Peralatan dan bengkel	0.7979
• Sokongan Pengetua	0.8309
• Masa/jadual KH	0.7011
• Kewangan	0.7555
• Latihan	
3 Dimensi Proses	
• Strategi Pengajaran dan pembelajaran	0.7653
• Strategi penilaian	0.8974
4 Dimensi Proses	
• Pencapaian objektif KH-persepsi guru	0.7121
• Perubahan sikap pelajar	0.8832

Rajah 5. Reliabiliti koefisiensi terhadap beberapa variabel

Untuk mengukur kesahan kandungan, penyelidik telah merujuk kepada beberapa orang pakar dalam penilaian dan program KH. Mereka terdiri daripada:-

1. Kesahan dari aspek penilaian.
 1. Prof. Dr. Rahim Mohd Sail. (UPM)
 2. Prof Madya Dr Hj. Azimi Hamzah (UPM)
 3. Dr. Shamsuddin Ahmad. (UPM)
2. Kesahan kandungan dari aspek KH.
 1. Prof. Madya Dr. Mohd Rashid Rajuddin (UTM)

Penganalisisan Data

Semua data yang sudah dikodkan diproses dengan menggunakan komputer melalui program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) di pusat komputer UPM. Statistik diskriptif digunakan untuk menganalisis data.

Dalam kajian ini statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, sisihan lazim dan min digunakan untuk menganalisis kebanyakannya pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini. Analisis ini akan dapat menilai keberkesanan pelaksanaan program KH berdasarkan dimensi-dimensi yang terdapat dalam model penilaian KIPP.

Tumpuan kajian ini adalah berdasarkan kepada model penilaian KIPP oleh Stufflebeam (1971). Dapatan-dapatan akan dirumuskan berdasarkan kepada dimensi-dimensi yang terdapat dalam model ini.

Dimensi Konteks

Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan Falsafah Pendidikan Negara

Kajian ini menilai keberkesanan program KH berdasarkan kepada dimensi konteks yang terdapat dalam model penilaian KIPP. Dengan menilai kerelevanan objektif KH dengan Falsafah Pendidikan Negara, didapati majoriti daripada guru-guru menyatakan bahawa kesemua objektif yang terdapat di dalam KH sangat relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini dapat dilihat dalam objektif KH yang pertama, didapati (71.6%). Dalam Objektif kedua (80.4%). Objektif ketiga, didapati (77.2%). Objektif keempat (68.8%). Objektif KH kelima (71.6%). Dalam objektif keenam (66.4%) guru bersetuju ia relevan dengan falsafah Pendidikan Negara.

Dalam objektif ketujuh (79.4%). Objektif kelapan, (51.6%). Objektif kesembilan (70.0%). Akhir sekali dalam objektif kesepuluh yang bertujuan mengamalkan sikap dan tabiat yang baik terhadap sebarang kerjaya secara jujur serta menghormati dan menghargai kerjaya kolar biru, didapati 67.2% guru menyatakan ia relevan dengan Falsafah pendidikan Negara.

Secara keseluruhannya didapati kerelevanan objektif KH dengan FPN adalah ditahap tinggi sahaja (71.2%)

Sikap Guru Terhadap Perubahan Kurikulum Kemahiran Hidup

Sikap guru-guru KH terhadap perubahan yang terdapat di dalam kurikulum KH dikenalpasti. Sikap-sikap ini akan menggambarkan reaksi guru-guru KH terhadap refomasi yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan di Malaysia. Secara keseluruhannya didapati sikap guru terhadap perubahan KH adalah di tahap sederhana (74%). Di antaranya ialah guru-guru KH memang mudah menerima perubahan (69.4%). Ini diikuti dengan mereka rasa yang sesuai untuk mengajar KH (62.8%), perubahan kurikulum KH tidak membosankan mereka (58.0%). Dari aspek pengajaran dan pembelajaran KH, mereka mengajar KH mengikut cara sukatan baru (56.0%), dan mereka juga mudah untuk menyesuaikan diri dengan pelajaran baru (51.6%).

Walau bagaimanapun terdapat juga guru sukar untuk menerima perubahan. Ini terdapat dalam kenyataan mereka yang menyatakan bahawa mereka kurang persediaan dari segi pengetahuan dan kemahiran (59.2%), perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terlalu drastik, (58.4%), dan mereka lebih senang mengajar satu kemahiran daripada mengajar terlalu banyak kemahiran (56.4%).

Masalah-masalah Yang Sebelum Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup

Pelaksanaan program KH menghadapi banyak masalah. Ini disebabkan setiap pembaharuan ada kekurangan-kekurangan baik dari segi sumber atau kewangan. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh kebanyakan guru sebelum KH bermula ialah masalah pengajaran iaitu pelajar terlalu ramai untuk mengajar kemahiran (80%), jangkamasa mengajar KH tidak mencukupi kerana topiknyanya terlalu luas (75.6%). pembahagian pelajar dalam sesuatu kemahiran dalam kelas berdasarkan kepada pencapaian UPSR (59.2%), Jadual tidak sesuai untuk mengajar amali pertanian (56.0%). guru terpaksa mengadakan kelas tambahan untuk menghabiskan sukatan pelajaran (50.0%).

Dari aspek masalah amali, didapati guru-guru menghadapi masalah yang terdapat dalam komponen-komponen tersebut. Di antaranya ialah (1) peralatan yang sedia ada tidak mencukupi dengan bilangan pelajar yang sedia ada (72%); (2) tempat amali pertanian amat terhad (61.8%); (3) kawasan untuk pertanian tidak berpagar (60.8%); (4) Bengkel yang

sedia ada tidak mencukupi dan tidak lengkap (59.2%); (5) Masalah air untuk kemahiran pertanian (57.2%).

Guru juga menghadapi masalah pentadbiran sekolah dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran KH. Di antaranya ialah (1) tidak ada pembantu khas untuk menyusun dan membersihkan bengkel sepertimana di makmal Sains (84.4%); (2) Tidak ada persefahaman dengan ketua bidang kerana beliau bukan daripada guru KH (59.6%);

(3) Perbelanjaan untuk tujuan KH tidak mencukupi dan ini akan mengganggu perancangan (56.4%). Guru-guru KH kebanyakannya mengajar satu sesi sahaja di mana 42.4% daripada mereka mengajar sama ada pagi atau petang. Walau bagaimanapun terdapat 40.0% di kalangan guru-guru mengajar dua sesi iaitu pagi dan petang.

Secara keseluruhannya didapati masalah sebelum KH bermula menunjukkan masalah yang dihadapi adalah ditahap yang tinggi (74.0%).

Dimensi Input

Tahap Keyakinan Guru-guru Mengajar Kemahiran Hidup Berdasarkan Topik-topik Yang Terdapat Dalam Sukatan.

Berdasarkan dapatan mengenai tahap keyakinan guru-guru mengajar KH, didapati kebanyakan guru-guru mempunyai tahap keyakinan tinggi, sederhana dan rendah. Di antara dapatan yang menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi dalam sukatan pelajaran KH ialah pengurusan diri (62.4%), kekeluargaan (54.4%), kemahiran pertanian (44.0%), perkebunan (42.0%), dan perdagangan dan keusahawanan (41.6%).

Tahap keyakinan yang sederhana dalam pengajaran adalah elektronik (38.0%) dan tahap keyakinan yang rendah ialah rekacipta (51.6%), kerja kayu dan enjin (106 atau 42.4%) lukisan teknik (40.8%), dan kerja asas paip (39.6%).

Secara keseluruhannya mengenai keyakinan guru-guru mengajar KH berdasarkan kepada topik-topik, didapati majoriti daripada mereka berada ditahap keyakinan yang tinggi (52.8%). Jika dibuat perbandingan di antara opsyen guru-guru, didapati majoriti daripada guru-guru opsyen SPN mempunyai tahap keyakinan yang sederhana (54.4%) jika dibandingkan dengan opsyen-opsyen yang lain. Begitu juga dengan tahap keyakinan yang tinggi didapati majoriti daripada opsyen KMT (58.3%) mempunyai tahap keyakinan yang tinggi.

Kelengkapan Peralatan Dan Bengkel Di Sekolah

Dalam pengajaran dan pembelajaran KH, kelengkapan peralatan dan bengkel adalah penting kerana pelajaran ini memerlukan bengkel dan peralatan untuk menjalankan amali dan kerja-kerja projek. Daripada hasil dapatan didapati, 55.2% menyatakan kadang-kadang berlaku pertembungan untuk menggunakan bengkel. Didapati juga peralatan untuk kegunaan jahitan adalah mencukupi (52.8%). Dalam pengajaran pertanian didapati 51.2% guru menyatakan pembajaan untuk tanaman adalah mencukupi.

Ada beberapa jenis peralatan dan bengkel tidak mencukupi dalam pengajaran dan pembelajaran KH. Di antaranya ialah peralatan untuk kegunaan pertanian (50.0%). Kedua, peralatan untuk kegunaan elektronik untuk kerja amali dan projek (49.6%). Ketiga, peralatan kegunaan paip (49.2%) dan peralatan untuk kegunaan elektrik (49.2%).

Peruntukan Kewangan

Hasil dapatan yang diperolehi mengenai peruntukan kewangan menunjukkan bahawa kebanyakan guru bersetuju dengan pernyataan mengenai peruntukan kewangan. Di antaranya ialah, pembelian barang-barang KH dikawal oleh pihak sekolah (54.8%). Kedua, mereka sentiasa menyemak akaun kewangan KH untuk memastikan ia digunakan dengan bijak (51.6%). ketiga, perbelanjaan untuk KH adalah mencukupi (50.8%). Keempat mereka sentiasa menyimpan rekod kewangan yang diperuntukan untuk KH (50.0%). Kelima peruntukan kewangan untuk KH tidak digunakan untuk urusan lain (5.2%).

Terdapat juga di kalangan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan mengenai peruntukan kewangan. Di antara pernyataan yang tidak dipersetujui ialah, pelajar-pelajar disuruh menyediakan wang sendiri untuk menjalankan sesuatu projek (55.2%). Kedua, pihak sekolah menggunakan wang KH untuk kegunaan rekreasi sekolah (42.8%).

Secara keseluruhannya didapati peruntukan kewangan untuk KH adalah mencukupi dan berada ditahap yang tinggi (54.4%).

Pelaksanaan Jadual Waktu Di Sekolah

Pelaksanaan jadual waktu di sekolah untuk program KH perlu diambil kira bagi melicinkan pelaksanaan program tersebut. Ini memastikan tidak berlaku pertindihan jadual untuk mengguna peralatan dan waktu amali kemahiran pertanian. Secara keseluruhannya didapati jadual waktu dan masa untuk KH adalah sesuai dan berada ditahap yang tinggi (57.2%). Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan guru bersetuju dengan semua item yang terdapat dalam pelaksanaan jadual waktu untuk KH. Di antara item-item yang tersebut ialah pembahagian jadual waktu untuk KH dengan mata pelajaran lain dibuat dengan baik (71.6%). Kedua, kombinasi jadual waktu mengajar KH di sekolah adalah sesuai (64.4%). Ketiga, jadual untuk mengajar amali pertanian/ladang/kebunan dibuat dengan baik (56.4%).

Sokongan Pengetua

Pengetua adalah pemimpin yang akan mencorakkan perjalanan program KH. Keperihatinan dan kebijaksanaan pengetua boleh menentukan kejayaan program KH. Didapati pengetua sentiasa memberi peluang mencuba idea-idea baru (63.6%), pengetua bertindak sebagai ketua yang baik dalam memberi idea dan sokongan (60.8%), pengetua memberi keutamaan kepada KH dalam penyusunan jadual waktu (57.2%), pengetua sentiasa memberi motivasi dalam menjalankan tugas (57.2%), sentiasa memahami kehendak objektif KH (54.4%), pengetua sentiasa mengambil berat dalam segala urusan yang berkaitan dengan KH (53.6%), pengetua sentiasa memastikan guru-guru KH berada ditahap yang memuaskan (53.2%), dan pengetua sentiasa mempunyai masa untuk mendengar masalah guru-guru KH (52.4%).

Terdapat juga guru menyatakan bahawa pengetua tidak menjalankan kerja dengan baik. Di antaranya ialah pengetua jarang membuat pencerapan pada guru-guru semasa mengajar teori dan amali (40.4%).

Kemahiran Guru Mengajar Topik-topik Yang Terdapat Dalam Kemahiran Hidup

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran untuk mengajar mengikut topik-topik yang terdapat dalam sukatan KH. Di antaranya ialah elektrik dan elektronik (63.6%), rekacipta (60.0%), lukisan teknik dan enjin (52.4%), dan kerja kayu (45.2%).

Terdapat guru-guru yang mempunyai kemahiran yang sederhana. Di antaranya ialah perkebunan (68.8%), perdagangan (65.4%), Kemahiran pertanian (59.6%), kekeluargaan (56.4%) dan pengurusan diri (48%).

Latihan Kemahiran Hidup

Tujuan latihan dilaksanakan ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Kebanyakan daripada guru bersetuju dengan kenyataan terhadap pelaksanaan kursus dalam cuti mata pelajaran KH. Di antaranya ialah kursus untuk sesuatu kemahiran itu diadakan lewat dan guru sudah memulakan pengajaran di sekolah (74.4%), peserta memperoleh pengetahuan memperkembangkan kemahiran (71.2%), kursus yang diikuti tidak mencukupi untuk mengajar semua topik dalam KH (69.6%), jangkamasa kursus terlalu pendek dan tidak mencukupi untuk mengajar topik kemahiran yang baru (64.0%), terlalu ramai peserta diajar untuk latihan amali (60.8%), peralatan yang digunakan untuk mengajar KH semasa kursus tidak mencukupi (58.5%), tempat kursus tidak sesuai untuk mengajar amali (54.8%) dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan tidak mencukupi (56.4%). Di samping itu ada dikalangan guru sering diabaikan untuk mengikuti kursus KH oleh pihak sekolah dan JPN (48.4%).

Pengetahuan Guru Terhadap Topik-topik Dalam Sukatan Kemahiran Hidup

Didapati tahap pengetahuan guru yang mengajar Kemahiran Hidup berdasarkan kepada topik-topik yang terdapat dalam sukatan pelajaran adalah baik. Di antara topik-topik yang menunjukkan bahawa guru-guru KH mempunyai pengetahuan yang baik ialah topik pengurusan diri (58.8%), kekeluargaan (50.4%), perdagangan dan keusahawanan (44.8%), elektronik dan kerja kayu (39.2%), kemahiran pertanian (38.4%) dan enjin (38.0%).

Terdapat juga guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana. Di antaranya ialah perkebunan (50.0%), dan kerja paip asas (40.8%). Di samping itu juga terdapat guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Di antaranya ialah rekacipta (60.0%), lukisan teknik (51.2%), dan elektrik (40.4%).

Dimensi Proses

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Hasil daripada dapatan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran, didapati guru telah menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan betul. Di antaranya ialah pelajar diberi peluang mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara aktif (76.4%), pelajar digalakkan mengemukakan soalan (76.4%), pengawasan kerja amali dilakukan untuk memastikan keselamatan dan membantu aktiviti pelajar (76.4%), guru menggunakan carta semasa mengajar amali dan teori (71.6%), pelajar digalakkan menggunakan kreativiti dan inovasi mereka dalam penghasilan sesuatu projek (68.8%), guru sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam pembelajaran dan pengajaran (68.8%), dari air muka pelajar, didapati mereka seronok belajar (66.8%), semasa mengajar amali guru akan menunjukkan dahulu di hadapan pelajar sebelum mereka memulakan aktiviti (65.6%), bahan pengajaran dan pembelajaran diperolehi daripada pelbagai sumber (63.6%), guru

menggalakkan pelajar mempersembahkan hasil kerja mereka (60.8) dan pelajar dibenarkan membawa balik kerja amali (43.2%).

Dapatan kajian ini juga dibuat oleh pelajar sebagai mengesahkan pernyataan guru-guru mengenai pengajaran dan pembelajaran mereka itu benar atau sebaliknya. Hasil daripada dapatan ini menunjukkan majoriti daripada pelajar setuju dengan cara pengajaran dan pembelajaran guru mereka.

Di antara pernyataan pelajar mengenai pengajaran dan pembelajaran guru mereka ialah semasa mengajar amali, guru akan menunjukkan dahulu cara-cara hendak membuat projek di hadapan pelajar sebelum pelajar memulakan aktiviti (81.3%), guru sering memberi nasihat semasa mengajar (80.7%), pengawasan kerja amali dilakukan untuk memastikan keselamatan dan membantu aktiviti pelajar (80%), pelajar digalakkan menggunakan kreativiti dan inovasi mereka dalam penghasilan sesuatu projek (77.3%), guru menggalakkan pelajar mengemukakan soalan (76.0%), pengajaran guru saya secara bercakap disusuli dengan sesi soalan dan perbincangan (74%), semasa pengajaran guru sering menyelitkan unsur-unsur nilai murni dalam kelas (71.3%), pelajar diberi peluang mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara aktif (59.3%), pengajaran di bengkel menyeronokkan kerana guru mempunyai kemahiran yang tinggi dan ini membuat pelajar lebih faham (58.6%), guru mempunyai pengetahuan yang tinggi semasa mengajar Kemahiran Hidup (58.0%), guru sentiasa mempelbagaikan cara pengajaran (6.0%) dan pengajaran guru menarik dan tidak membosankan (54.6%).

Cara Guru Menjalankan Penilaian Kemahiran Hidup

Guru-guru KH diberi tanggungjawab dan kuasa untuk menilai kerja kursus yang dijalankan oleh pelajar-pelajar mereka dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Mereka telah diberikan taklimat oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri cara dan prosedur untuk menilai kerja kursus. Didapati kebanyakan guru tidak mengikut peraturan dalam penilaian kerja kursus KH seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Di antaranya ialah membenarkan pelajar berbincang dan menolong pelajar lain untuk menyiapkan kerja projek (74.4%), menggunakan pertimbangan dalam menilai projek pelajar dan sekali sekala merujuk format PMR (65.7%), membenarkan pelajar membawa balik kerja projek dan siapakan di rumah (50.8%) dan memberi markah yang tinggi pada projek bagi memastikan peratus kelulusan adalah tinggi.

Terdapat juga di kalangan guru mengikut prosedur peperiksaan yang ditetapkan. Di antaranya ialah memberi markah walaupun ada pelajar tidak menghantar projeknya (66.4%) sentiasa menyemak satu persatu projek pelajar dengan teliti sehingga habis (64.4%), mengikut format penilaian PMR sepenuhnya (58.4%), kakitangan sumber dan pegawai JPN sentiasa memberi bimbingan cara-cara menilai (52.8%), dan walaupun projek itu bukan hasil daripada pelajar, guru tetap tidak akan menilainya (51.6%).

Secara keseluruhannya didapati bahawa cara penilaian yang dijalankan oleh guru-guru tidak mengikut kehendak peperiksaan PMR yang sebenarnya kerana mereka tidak bersungguh-sungguh untuk menilai mengikut peraturan yang ditetapkan. Ini dapat dilihat pada skor tertinggi keseluruhannya iaitu 56.2% guru bersetuju dengan cara menilai kerja kursus PMR yang mereka lakukan tidak mengikut prosedur yang betul.

Dimensi Produk

Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup

Selepas menamatkan pelajaran sehingga ke tingkatan tiga, satu penilaian terhadap pencapaian objektif dibuat bagi memastikan sama ada objektif KH tercapai atau sebaliknya. Daripada kajian ini didapati kebanyakan daripada guru setuju bahawa objektif pengajaran hidup telah tercapai. Di antaranya ialah mengamalkan sikap dan tabiat yang baik terhadap sebarang kerjaya secara jujur serta menghormati dan menghargai kerjaya kolar biru (63.2%). Memupuk sifat kreatif, inovatif, suka berusaha, jujur bekerjasama, dan mengamalkan cara-cara kerja yang sistematik, tabiat kerja yang selamat, sihat dan bertanggungjawab (65.6%).

Memperolehi pengetahuan dan memperkembangkan kemahiran asas yang berteraskan kenalfahaman teknologi untuk berfungsi secara berkesan dalam urusan di rumah dan tempat kerja (55.6%). Ini diikuti dengan mengembangkan kemahiran mengendalikan urusan diri dan keluarga secara teratur, kemas dan bertanggungjawab selaras dengan nilai dan tatasusila masyarakat (55.6%).

Di samping itu pelajar dapat bertindak dengan bijak dan dapat menyesuaikan diri dalam keadaan teknologi dan masyarakat yang sentiasa berubah (51.6%). Mengembangkan kefahaman dan mengamalkan prinsip asas perdagangan dan usahawan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan (50.4%). Mencebur diri dalam kegiatan rekreasi yang sihat dan membuat kebajikan kepada masyarakat (50.4%). Menjalankan kerja buat sendiri, menyenggara dan membaikpulih mudah dan menyedari potensi ke arah menjadi usahawan (47.6%).

Mengumpul dan memproses maklumat secara sistematik dan membuat keputusan yang berguna (41.6%). Menyedari bidang kerjaya berkaitan dengan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan (50.0%). Secara keseluruhannya didapati pencapaian objektif KH adalah diperingkatkan sederhana (51.6%)

Perubahan Sikap Pelajar Selepas Mempelajari Kemahiran Hidup

Hampir kesemua pernyataan guru menunjukkan bahawa pelajar-pelajar telah berjaya menunjukkan sikap yang positif terhadap kemahiran dari segi teori dan amali. Di antaranya ialah, selepas mempelajari KH pelajar bertambah yakin akan kebolehannya (72.8%), pelajar rasa diri mereka menjadi lebih kreatif, inovatif dan berketrampilan (72.0%), dari segi elektronik ia menjadi asas kepada pelajar untuk menceburi dalam bidang tersebut (68.8%), pelajar dapat membuka dan memasang komponen kepala pili atau paip (69.0%), pelajar rasa untuk menjadi seseorang yang berjaya, mereka perlu mempunyai disiplin, jujur dan ikhlas yang tinggi (66.0%), pendedahan awal dalam KH menjadi pelajar sedar untuk menjadi seorang usahawan (64.0%), pelajar sentiasa mengikut peraturan dan langkah-langkah yang baik untuk menjadi seorang warganegara yang baik (63.2%), pelajar lebih bertanggungjawab kepada tugas yang diberi (62.4%) dan pelajar dapat menterjemahkan lukisan projek dengan baik (62.0%).

Terdapat juga guru-guru yang tidak setuju dengan pernyataan yang seperti berikut iaitu pelajar kurang berminat mempelajari KH kerana terlalu banyak hendak dipelajari (48.8%) dan ada yang tidak pasti akan pernyataan seperti di masa lapang pelajar bercucuk tanam di kawasan rumah (48.8%).

Dapatan di atas disokong oleh pelajar yang bersetuju dengan hampir kesemua pernyataan yang terdapat dalam bahagian ini. Di antaranya ialah, mereka sentiasa mengikut peraturan dan langkah-langkah yang baik untuk

menjadi seorang warganegara yang baik (85.3%), mereka akan berusaha dengan lebih tekun untuk menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat (84.0%), mereka akan menceburi diri dalam aktiviti yang sihat dan akan menjauhi perkara-perkara yang tidak baik (80.7%), mereka rasa untuk menjadi seseorang yang berjaya, mereka perlu mempunyai disiplin yang tinggi, jujur dan ikhlas (78.7%), mereka rasa lebih bertanggung jawab terhadap tugas yang diberi (75.4%), dan pendedahan awal dalam KH menjadi asas pembentukan seseorang usahawan (74.6%).

Terdapat juga kenyataan pelajar-pelajar yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Di antaranya ialah, di masa lapang mereka bercucuk tanam di kawasan rumah (42.9%). Ini menunjukkan bahawa pelajar gagal mengaplikasikan ilmu pertanian yang mereka pelajari di sekolah untuk kegunaan di rumah.

Perbincangan Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil kajian yang diperolehi daripada Bab IV. Perbincangan akan tertumpu kepada empat dimensi yang terdapat dalam model penilaian KIPP yang dipelopori oleh Stufflebeam (1971).

Latar belakang Kemahiran Hidup

KH adalah satu mata pelajaran yang merangkumi kemahiran-kemahiran asas yang dibekalkan kepada pelajar untuk membolehkannya bertindak mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi dan maklumat yang kompleks dan sentiasa berubah (Kementerian Pendidikan, 1989).

Mata pelajaran KH diperkenalkan pada tahun 1989 sebagai menggantikan elektif seperti mata pelajaran Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga dan Perdagangan. Di dalam pendidikan komprehensif yang diamalkan sejak tahun 1965 hingga sekarang, pelajar-pelajar hanya perlu memilih salah satu daripada empat mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah rendah. Ini bermakna bahawa pelajar-pelajar hanya mengetahui isi kandungan mata pelajaran elektif yang berkenaan sahaja itu dan tidak akan mempelajari isi kandungan mata pelajaran lain yang juga berguna dalam kehidupan harian mereka.

Mata pelajaran KH merupakan satu mata pelajaran pra-vokasional bagi Tingkatan satu hingga tiga untuk membantu perkembangan kerjaya pelajar. Dengan ini, pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah menengah rendah akan memberikan pengetahuan kepada mereka untuk membuat pemilihan kerjaya yang paling sesuai pada masa depan.

Di samping itu, program KH juga memberi penekanan kepada aspek pembelajaran penerapan nilai murni, dan konsep bersepadu. Untuk memastikan pelaksanaan program KH ini tercapai, penekanan tentang aspek penerapan nilai murni dan konsep bersepadu harus diberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan program KH di sekolah-sekolah di Malaysia berdasarkan kepada model penilaian KIPP oleh Stufflebeam (1971). Mengikut Stufflebeam, penilaian pada asasnya adalah satu proses untuk mendapatkan dan menggunakan maklumat bagi membuat sesuatu keputusan.

Perbincangan dalam bahagian ini tertumpu kepada model KIPP yang mengandungi empat peringkat penilaian, iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk/hasil.

Dimensi Konteks

Dimensi konteks tertumpu kepada persekitaran iaitu perubahan yang berlaku dan masalah persekitaran yang akan dihadapi. Ia menjadi pembekal maklumat kepada penilaian input, proses dan produk sama untuk membaiki atau meneruskan sesuatu program. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Dalam kajian ini, penilaian konteks ialah kerelevanan objektif KH dengan Falsafah KBSM. Objektif-objektif KH dibentuk dengan tujuan untuk memenuhi aspirasi negara. Dalam Falsafah Pendidikan Negara, melahirkan insan yang kamil dan berhemah tinggi serta memberi pendidikan dari segi akademik dan kemahiran adalah menjadi asas kepada pembentukan individu yang berketrampilan.

Kerelevanan Objektif KH Dengan Falsafah Pendidikan Negara

Berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH mengenai kerelevanan objektif KH dengan Falsafah Pendidikan Negara, didapati majoriti daripada guru-guru bersetuju bahawa objektif KH relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil kira kepentingan masyarakat dan kehendak negara. Ini amat sesuai dengan Tyler (1964) yang menyatakan bahawa sesuatu program itu perlu mengikut kehendak masyarakat dan negara. Falsafah Pendidikan Negara menjadi asas kepada Dasar Pendidikan Negara. Ia perlu seiring dengan kehendak dan wawasan negara dan perlu dipatuhi (Anuar, 1989).

Dalam perancangan sesuatu program, penilaian konteks menjadi sumber asas kepada penilaian input, proses, dan produk untuk memastikan ia berjalan dengan lancar. Di dalam melaksanakan program KH pada dimensi ini, didapati masalah persekitaran seperti guru sebagai tenaga penggerak perlu dikenalpasti kerana guru adalah orang yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di sini timbulnya persoalan apakah masalah yang dihadapi semasa mengajar mata pelajaran elektif sebelum bermulanya KH. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti daripada guru KH tidak suka perubahan-perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini berpunca daripada perubahan yang dibuat terlalu drastik dan guru-guru tidak bersedia dari segi pengetahuan dan Kemahiran. Kementerian Pendidikan tidak mengambil kira pandangan guru-guru dalam merealisasikan program baru. Mengikut Stufflebeam, Forley dan Guba (1971), untuk merencanakan sesuatu program baru, masalah yang wujud sebelum itu perlu diambil kira. Ini adalah untuk memastikan masalah itu diselesaikan.

Sepertimana yang kita sedia maklum KH merupakan gabungan kepada empat kemahiran iaitu Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Perdagangan dan Ekonomi Rumah Tangga. Ini merumitkan guru untuk mengajar topik yang mereka tidak pernah belajar. Mengikut kajian ini, guru-guru tidak diberi latihan yang mencukupi untuk melaksanakan program KH. Didapati, majoriti daripada guru tidak diberi kursus yang mencukupi dalam topik-topik yang terdapat dalam sukatan KH seperti enjin, lukisan teknik, perakaunan, letrik dan sebagainya. Akibatnya mereka sukar menerima perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mereka tidak bersedia untuk mengajar kurikulum yang baru dalam matapelajaran KH. Mengikut Abdul Raof Dalip (1989) sesungguhnya kejayaan sukatan pelajaran baru bergantung besar kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya dengan penuh semangat dan dedikasi. Oleh itu, guru sepatutnya memahami dan menguasai terlebih dahulu tentang sesuatu kurikulum dari segi matlamatnya dan perlu diberi latihan yang secukupnya.

Masalah Sebelum Pelaksanaan Kemahiran Hidup

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa pelaksanaan program KH dibuat secara tergesa-gesa dan kurang persediaan di mana majoriti daripada guru-guru menyatakan bahawa mereka menghadapi banyak masalah sama seperti sebelum KH diimplementasikan. Masalah tersebut ialah bilangan pelajar yang terlalu ramai sehingga melebihi 40 orang (Fowziah, 1991). Ini sudah tentu menyukarkan guru mengajar topik-topik amali dalam kerja bengkel (Satimah, 1997). Mengikut KBSM, bilangan pelajar dalam kelas tidak melebihi 30 orang. Perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku dalam program baru.

Di samping itu juga bengkel/ladang yang sedia ada tidak mencukupi. Akibatnya, pelajar tidak dapat menjalankan kerja-kerja kursus dengan lebih berkesan. Ini ditambahkan dengan kekurangan alat-alat untuk kegunaan pelajar dalam latihan kemahiran. Dalam program KH peralatan dan bengkel/ladang merupakan faktor yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran KH. Jaffar (1995), menyatakan bahawa peralatan untuk kegunaan pertanian tidak mencukupi kerana bilangan pelajar terlalu ramai. Ini menunjukkan bahawa pihak tertentu tidak mengutamakan masalah yang sedia ada sebelum KH dilaksanakan. Masalah sebelum KH dilaksanakan dibawa sehingga sekarang.

Apa yang dapat dilihat dalam kurikulum KH, didapati sukatannya terlalu banyak untuk diajar. Akibatnya guru-guru terpaksa menghabiskan sukatan diluar waktu persekolahan iaitu datang pada waktu petang atau pun pada waktu cuti. Guru-guru juga, ada yang terpaksa mengajar secara 'dua alam', iaitu pagi dan petang. Ini sudah tentu membebankan guru-guru tersebut yang terpaksa membuat kerja-kerja rumah dan sekolah.

Dalam kajian Chew (1993) menyatakan masalah yang timbul dari perubahan, persediaan dan kesediaan guru adalah faktor penting untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum baru. Memandangkan topik KH terlalu banyak dan peruntukan waktu yang terhad, pelajar-pelajar kadang-kadang terpaksa menyiapkan kerja projek sehingga dua minggu di rumah kerana peruntukan masa yang digunakan di sekolah tidak mencukupi untuk menyiapkan kerja tersebut. Di sini perancangan perlu dibuat agar pelaksanaan sesuatu program dapat dijalankan dengan lebih teratur dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar (Sharifah, 1990).

Sebagai kesimpulan, di dalam penilaian konteks, didapati banyak masalah yang timbul dalam pelaksanaan KH, iaitu sikap guru terhadap perubahan tidak memuaskan dan guru kurang keyakinan untuk mengajar KH. Mengikut Stufflebeam (1971), penilaian konteks menjadi penentu kepada jumlah dan kualiti yang diperlukan oleh input, proses yang hendak diikuti, dan produk/hasil yang boleh dijangkakan dengan sumber yang sedia ada.

Dimensi Input

Dimensi input pula tertumpu kepada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Penilaian input boleh digunakan untuk mewujudkan program baru atau menilai sesuatu program yang sedang berjalan. Untuk tindakan program yang baru, penilaian input membangkitkan soalan seperti 'Apakah jenis sumber yang diperlukan?'. Kedua-dua penilaian input dan kontek boleh membantu di dalam menilai sama ada sesuatu sumber itu realistik atau tidak dalam bentuk kontek, tugas dan keobjektifan.

Apabila program dalam peringkat proses, penilaian input akan menanyakan soalan seperti 'Sejauhmanakah input dapat memenuhi objektif program berdasarkan kerangka kerja sesuatu program itu?. Dengan cara ini penilaian input dan konteks sangat berguna sebagai petunjuk untuk membaiki sesuatu program. Ini akan melibatkan pertukaran input untuk mencapai objektif dan matlamat atau menukarkan objektif apabila input tidak mencukupi.

Penilaian input dalam kajian ini ialah keyakinan guru mengajar, kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, bengkel, kemudahan, jadual waktu, peruntukan kewangan, latihan dan sokongan pengetua.

Keyakinan Guru Kemahiran Hidup

Berdasarkan kepada pengalaman mengajar yang melebihi daripada 10 tahun sebagai guru terlatih dan mengajar KH melebihi daripada 7 tahun, didapati majoriti daripada guru mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk mengajar KH. Walaupun mereka rasa diri mereka kurang persediaan untuk mengajar tetapi dengan pengalaman yang sedia ada membolehkan mereka merasa yakin untuk mengajar KH.

Mengikut Norhiza (1994), guru-guru yang mengajar KH mestilah terdiri daripada guru-guru yang terlatih, berpengetahuan dan berkemahiran yang tinggi dalam bidang tersebut. Ini akan menambahkan lagi keyakinan guru semasa mengajar. Sharifah (1994) menyatakan bahawa guru-guru perlu didedahkan dengan pengetahuan yang baru supaya mereka menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien, kreatif, reflektif dan peka terhadap kehendak pelajar.

Pengetahuan Guru Mengajar Topik-topik Yang Terdapat Dalam Kemahiran Hidup

Adalah menjadi harapan kepada guru-guru yang mengajar KH mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi. Ini bagi memastikan ilmu yang hendak disampaikan kepada pelajar berkesan. Dalam kajian ini didapati tahap kemahiran kebanyakan guru yang mengajar KH adalah di tahap sederhana untuk mengajar topik-topik yang terdapat dalam sukatan matapelajaran KH. Ini disebabkan majoriti daripada guru menyatakan kursus yang mereka ikuti tidak mencukupi untuk mengajar KH. Di samping itu juga semasa mereka berkursus, tenaga pengajar yang ada tidak cekap dan kurang berpengetahuan, peralatan semasa kursus tidak mencukupi dan terlalu ramai peserta kursus yang hendak diajar dalam satu masa. Ini menimbulkan masalah untuk guru-guru membuat amali dalam bengkel dan di ladang.

Pengetahuan dan kemahiran guru adalah faktor penting dalam dimensi input. Oleh itu kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan. Kebanyakan program yang dijalankan bertujuan untuk membantu guru-guru menambahkan keupayaan mereka agar dapat menjalankan tugasannya tanpa sebarang masalah. Mohd Nasir (1994) menyatakan kursus yang diterima oleh guru perlulah disesuaikan dengan pelajaran yang hendak diajar di sekolah kelak. Menurut laporan Pusat Perkembangan Kurikulum (1992), menyatakan guru-guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan kemahiran dan nilai-nilai murni dan bersikap positif, sesuai dengan kehendak KH. Dalam kajian ini didapati tahap pengetahuan guru untuk mengajar topik-topik yang terdapat dalam sukatan, mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Walau bagaimanapun bilangan yang berada di tahap sederhana juga ramai dan hampir menyamai dengan tahap tinggi. Ini disebabkan majoriti daripada mereka mendapat pendedahan semasa mengikuti kursus KH dan majoriti daripada mereka menyatakan mereka memperoleh ilmu pengetahuan dan dapat mempertingkatkan potensi yang sedia ada (Sanusi,1997).

Sokongan Pengetua

Untuk melicinkan pelaksanaan KH, pihak sekolah telah memberi kerjasama yang baik bagi memastikan bahawa program KH dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada kesesuaian dalam penyusunan jadual waktu (Fowziah,1991). Di sinilah terletaknya kemahiran dan pengetahuan seseorang pengetua, penolong-penolong kanan dan penyelia petang dalam menyusun jadual waktu agar ia sesuai dengan kehendak guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Dalam kajian ini didapati kebanyakan daripada sekolah menggunakan kombinasi jadual waktu dua waktu (double period)

sekali dalam satu masa pengajaran. Ini amat sesuai dengan perjalanan program KH kerana ia memudahkan untuk merancang kerja projek yang berbentuk amali. Jadual waktu yang sistematik kurang menimbulkan masalah kepada guru-guru terutamanya dari segi kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran (Fowziah (1991).

Di samping itu juga didapati penyusunan jadual waktu dibuat dengan baik dan mengambil kira kehendak mata pelajaran tersebut. Tidak banyak berlaku pertindihan dalam penggunaan bengkel dan ia berjaya dielak oleh pihak sekolah. Perjalanan amali pertanian juga dibuat mengikut situasi amali iaitu pada waktu pagi. Kajian ini juga tidak selari dengan dapatan yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini. Di antaranya ialah Mardevan (1990) yang menyatakan bahawa pelaksanaan jadual waktu KH tidak sesuai dengan waktu amali contohnya dalam amali pertanian di mana guru membawa pelajar-pelajar ke kebun pada waktu 12.00 tengah hari. Ini tidak sesuai dengan amalan pertanian yang sebenarnya. Guru-guru merungut kerana penyusunan jadual yang tidak memuaskan.

Peruntukan Masa

Dalam mata pelajaran KH peruntukan masa yang diberikan ialah empat waktu seminggu yang mengandungi 160 minit. Pengagihan waktu seminggu di dalam KH tidak seragam. Ini semua bergantung kepada budi bicara pihak pentadbir sekolah.

Dalam penyediaan jadual waktu, faktor kesesuaian mata pelajaran perlu dipertimbangkan untuk memenuhi kehendak mata pelajaran tersebut. Didapati dalam kajian Ketua panitia KH ada dalam jawatankuasa jadual waktu bagi memudahkan mereka menyusun jadual waktu. Penjadualan waktu pengajaran haruslah disusun dengan baik supaya mata pelajaran itu dapat disampaikan pada waktu yang sesuai kepada pelajar. Disamping itu, jadual waktu yang tersusun kurang merumitkan pelaksanaan pengajaran.

Pada asasnya, matlamat pentadbiran sekolah adalah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Adalah menjadi tanggungjawab pengetua untuk mewujudkan serta mengekalkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran dan memastikan pencapaian pelajar nanti adalah baik. Dalam kajian ini didapati pengetua secara keseluruhannya telah berjaya memainkan peranan dengan baik dalam membantu melicinkan pelaksanaan KH dapat berjalan dengan baik. Kebanyakan pengetua sentiasa memberi peluang kepada guru-guru KH mencuba ide-ide yang difikirkan baik dan juga sentiasa memberi ide untuk meningkatkan pencapaian KH. Ini dapat dilihat kebanyakan pengetua memberi keutamaan kepada pelajaran KH dalam penyusunan jadual waktu. Keperihatinan pengetua juga dapat lihat dari aspek mereka sanggup mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh-guru-guru KH. Dengan sikap yang ditunjukkan oleh kebanyakan pengetua terhadap KH, maka tidak syak lagi masalah pelaksanaan KH di sekolah tidak timbul.

Sebagai kesimpulan daripada penilaian input, didapati kurang berkesan dari segi peralatan dan bengkel, latihan, sokongan pengetua dan kemahiran. Sumber-sumber ini adalah amat penting untuk melaksanakan program KH. Kesemua variabel yang terdapat dalam dimensi input menjadi pemangkin dan petunjuk untuk meneruskan ke peringkat proses. Sumber amat penting untuk memastikan pelaksanaan di peringkat proses berjalan dengan lancar.

Dimensi Proses

Dimensi proses menilai operasi sesuatu program, proses, dan prosedur. Kegagalan untuk menilai penilaian proses akan menyebabkan ketidaktepatan untuk membuat kesimpulan terhadap

sesuatu program. Penilaian proses tertumpu kepada proses yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat program. Maklumat ini perlu diketahui dari masa ke masa untuk mengawal pelaksanaan program. Untuk kajian ini penilaian proses ialah strategi pengajaran dan pembelajaran guru-guru KH, cara guru menilai kerja-kerja projek dan kursus KH yang diikuti oleh guru.

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang disarankan bagi mata pelajaran KH ialah berdasarkan kepada pembelajaran melalui pengalaman. Terdapat banyak aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian disarankan. Ini termasuklah kerja amali, projek, tunjuk cara, kerja luar, main peranan, sumbangsaran, dan kaji siasat. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru telah berjaya menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan baik ini disahkan oleh pelajar-pelajar mereka yang menyatakan bahawa guru mereka mempelbagaikan corak pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dengan cara ini ia tidak membosankan untuk mereka mengikuti pelajaran di dalam kelas. Kebanyakan pelajar menyatakan guru mereka pandai menggunakan kemahiran mengajar amali iaitu guru mereka sentiasa menunjukkan demonstrasi mengenai bagaimana hendak melakukan kerja-kerja amali dengan jelas. Dengan cara ini pelajar-pelajar lebih memahami bagaimana hendak membuat amali tersebut. Satu perkara yang dapat dilihat dalam pengajaran guru, kebebasan memberi ide dalam pengajaran amali dapat membuat pelajar lebih kreatif dan inovasi. Ini amat sesuai dengan objektif KH yang bertujuan menggalakkan pelajar lebih kreatif dan inovasi. Sani (1992) menyatakan bahawa keberkesanan seseorang guru mengajar adalah berpunca daripada latihan perguruan yang mereka ikuti sama ada di peringkat maktab atau di universiti.

Abu Bakar Nordin (1990) telah mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya membuat pilihan yang rapi terhadap aktiviti-aktiviti dan kurikulum bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Beliau mencadangkan tiga langkah sebagai panduan semasa memilih setiap kurikulum tersebut, iaitu menentukan objektif yang paling sesuai untuk kurikulum-kurikulum itu, mengetahui keadaan yang membolehkan sesuatu kurikulum itu mencapai kejayaan, dan meneliti sifat-sifat kurikulum berkenaan untuk mengetahui bahagian yang tetap dan bahagian yang boleh diubahsuai mengikut keadaan. Di antara kurikulum yang sesuai untuk strategi pengajaran pembelajaran bagi guru-guru ialah kuliah, tunjukcara, pemerhatian, temuramah, percambahan fikiran, buzz, perbincangan kelompok kecil dan main peranan.

Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Loh (1995), iklim dalam sesuatu kelas didapati mempengaruhi persepsi guru-guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Iklim yang dianggap sesuai ialah suasana yang tenang yang boleh mendorong pelajar-pelajar menyoal dan melahirkan pendapat secara bebas, mencuba kemahiran-kemahiran baru, berkongsi idea dengan pelajar-pelajar lain, bebas menukar haluan sesuatu aktiviti apabila perlu serta membolehkan mereka menilai kemajuan yang mereka capai pada setiap hari.

Guru-guru telah berjaya menggalakkan pelajar-pelajar mereka dilibatkan secara aktif dalam proses pembelajaran iaitu bukan sekadar menjadi pendengar yang pasif. Mereka memerlukan kefahaman yang jelas tentang sesuatu kemahiran dan perihal untuk melaksanakannya iaitu melalui tunjukcara dengan pelajar. Sebagai guru, mereka telah memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar untuk mencuba kemahiran-kemahiran tersebut di bawah penyeliaan guru serta terus dibantu untuk melahirkan penggunaannya sehingga mereka tamat persekolahan.

Guru-guru KH telah berjaya menggunakan kaedah penyampaian yang beragam yang

amat sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi ada beberapa kajian yang telah menunjukkan keputusan yang dapatan yang berbeza. Di antaranya ialah Fowziah (1995), mendapati kebanyakan guru menggunakan teknik yang sama, iaitu pengajaran secara kuliah yang pada keseluruhannya tidak dijalankan dengan berkesan. Kajian Fullan (1992) pula menunjukkan guru-guru terlalu bergantung kepada beberapa strategi pengajaran yang terhad seperti perbincangan, pemerhatian, kuliah dan laporan pelajar, sedangkan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah dan penggunaan makmal kurang dimanfaatkan. Sharifuddin (1996) yang mengkaji strategi yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran yang membuat penyelidikan bahawa teknik kuliah dan perbincangan yang mereka gunakan telah menimbulkan keraguan dari segi hasil pembelajaran kerana teknik-teknik tersebut kurang sesuai untuk melatih kemahiran amali. Kajian ini juga telah berjaya menunjukkan bahawa guru-guru KH tidak termasuk dalam kajian di atas. Mereka lebih banyak menggunakan pelbagai kaedah penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping menggunakan kaedah penyampaian yang beragam, guru-guru juga patut memanfaatkan sepenuhnya pengalaman mengajar yang sedia ada sebagai satu strategi untuk meningkatkan hasil pengajaran. Guru juga perlu mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat sebagai salah satu faktor yang memberi kesan kepada pengajaran mereka. Katz (1977) juga melaporkan pengakuan guru-guru bahawa perkongsian pengalaman mereka dengan rakan peserta kursus sangat mempengaruhi peningkatan persembahan harian mereka.

Cara Penilaian Projek

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Lembaga Peperiksaan Malaysia telah memberi tanggungjawab dan kepercayaan kepada guru-guru KH untuk menilai kerja-kerja kursus pelajar yang akan menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Mengikut prosedur Lembaga Peperiksaan Malaysia, pelajar-pelajar perlu siapkan projek di sekolah dan tidak dibenarkan dibawa balik ke rumah. Ini untuk mengelak berlakunya penyelewengan kesahan projek tersebut.

Guru-guru juga membenarkan pelajar-pelajar lain membantu pelajar yang tidak dapat menyiapkan kerja projek mereka dalam masa yang ditetapkan. Kerja-kerja ini sepatutnya dibuat oleh pelajar itu sendiri dan tidak dibenarkan penglibatan pelajar lain.

Di samping itu juga, guru-guru tidak mengikut format permarkahan yang ditetapkan oleh pihak Lembaga peperiksaan Malaysia. Mereka lebih banyak menggunakan pertimbangan sendiri untuk menilai projek pelajar dan mereka sentiasa memberi markah yang tinggi bagi memastikan dapat mencapai peratus kelulusan yang tinggi. Ini sudah tentu menyalahi prosedur dan amanah yang telah diberikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Masalah ini timbul daripada masalah persekitaran yang berpunca dari dimensi konteks ia itu guru belum bersedia untuk menerima perubahan dan tidak mahir dalam menilai projek. Fowziah (1991) menyatakan guru-guru KH tidak diberi penerangan dan pendedahan yang mencukupi mengenai aspek penilaian. Akibatnya permarkahan diberi tidak seragam dan hanya mengikut budibicara sahaja.

Sebagai kesimpulan daripada penilaian proses, didapati cara penilaian projek pelajar kurang berkesan kerana kaedah penilaian projek pelajar tidak dijalankan dengan betul dan bercanggah dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia tetapi dari aspek pengajaran dan pembelajaran didapati guru-guru KH telah berjaya menjalankan tugas dengan baik. Ini sesuai dengan etika perguruan yang menyatakan tugas guru adalah mengajar dengan cemerlang.

Dimensi Produk

Dimensi produk memfokuskan kepada berapa baikkah objektif program dapat dipenuhi?.

Penilaian produk tertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Ia juga akan mendedahkan kekuatan dan kelemahan variabel-variabel yang terdapat dalam dimensi konteks, input dan proses. Penilaian produk dalam kajian ini ialah hasil perubahan sikap pelajar, pencapaian objektif KH.

Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup

Dalam kajian ini didapati kesemua objektif program KH telah tercapai mengikut pendapat guru-guru KH. Tetapi kalau diukur secara keseluruhannya, didapati tahap pencapaiannya adalah sederhana sahaja. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan program KH pada peringkat produk, walaupun berjaya disempurnakan tetapi berada ditahap kesederhanaan.

Mengikut Stufflebeam (1971) sesuatu program dikira berjaya jika kelemahan-kelemahan dalam setiap dimensi itu berjaya diperbaiki dan hasil setiap dimensi menunjukkan tanda-tanda yang baik.

Punca pencapaian objektif KH ditahap sederhana ialah peralatan dan bengkel tidak mencukupi. Ketidacukupan peralatan ini menyebabkan pelajar tidak mempunyai kemahiran yang tinggi. Pelajar-pelajar mungkin mahir tetapi ditahap yang rendah dan sederhana. Mengikut Friedenber (1991), untuk menentukan sesuatu program itu berjaya, sumber-sumber dalam dimensi input perlu mencukupi bagi memastikan penggunaan yang optimum. Walaupun guru-guru dan pelajar menyatakan hasil yang diperolehi dari aspek tingkahlaku, kemahiran dan pengetahuan adalah baik selepas tamat tingkatan tiga, tetapi ia tidak mencerminkan ia berjaya seratus peratus kerana kejayaan sesuatu program ditentukan dengan kemudahan asas yang disediakan. Sedangkan dari aspek input kekurangan begitu ketara sekali seperti guru tidak mahir, tanah terhad, kawasan tidak berpagar, air tidak mencukupi dan bilangan bengkel terhad. Masalah ini sudah lama wujud sebelum KH diimplemenkan dan perkara ini tidak di atasi sebelum melaksanakan program KH.

Perubahan Sikap Pelajar Kemahiran Hidup

Didapati juga sikap pelajar merupakan faktor yang dapat menentukan pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran. Rohaty (1990) menyatakan bahawa sikap mempunyai pengaruh yang dapat mencorakkan pengajaran seperti tingkahlaku, pengetahuan dan kemahiran. Dalam kajian ini didapati pelajar berjaya menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam objektif KH tetapi kejayaan itu tidak sepenuhnya. Di antaranya ialah menjadikan diri pelajar berhemah tinggi dan sentiasa menghormati kedua-dua ibubapa, sentiasa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan juga dapat mengaplikasikan pelajarannya di rumah. Dari segi Kemahiran, pelajar-pelajar berkebolehan dalam memasang paip, bercucuk tanam, menggunakan bahan elektronik dan bertukang, tetapi mereka tidak dapat mempraktikan di rumah. Ini tidak selaras dengan kehendak objektif yang termaktub dalam KH. Dalam objektif KH, pelajar boleh gunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada di rumah, tetapi sebaliknya tidak berlaku. Mereka hanya menunjukkan kesungguhan bekerja semasa berada di sekolah. Mengikut kajian ini, pelajar tidak berupaya menolong ibu bapa mereka di rumah kerana mereka terpaksa siapkan kerja KH di rumah yang sepatut dibuat di sekolah. Ini menunjukkan bahawa perubahan sikap dari aspek tingkahlaku dan kemahiran hanya tertumpu di kawasan sekolah. Mengikut Scriven (1967) sesuatu program itu dikira berjaya jika individu dapat menunjukkan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari dalam kehidupan harian.

Didapati juga melalui pelajaran KH, pelajar lebih kreatif dan inovasi yang amat sesuai dengan kehendak negara. Mereka inilah yang akan membangunkan negara selaras dengan kehendak wawasan 2020. Ini amat bersesuaian dengan FPN yang ingin melahirkan warganegara yang serba boleh.

Dalam kajian ini terdapat empat proses sikap yang pengaruhi pembelajaran iaitu minat, cara pengajaran, peralatan, dan penerimaan. Keempat-empat proses ini dapat menentukan sama ada pelajar dapat menyesuaikan diri dengan pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini pelajar memang berminat dalam pelajaran KH. Ini dapat dilihat dalam amali di mana mereka menunjukkan kesungguhan untuk belajar walaupun dari segi peralatan tidak mencukupi. Loh (1996) menyatakan walaupun faktor minat boleh memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran, tetapi jika kemudahan pembelajaran kurang akan memberi kesan yang negatif pada proses pembelajaran.

Kenyataan-kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa sikap yang positif akan mempengaruhi pencapaian matlamat sesuatu program. Banyak kajian menunjukkan tentang sikap pelajar sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian sesuatu program. Kajian mengenai sikap pelajar terhadap mata pelajaran KH amat sedikit. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang dibuat tentang pengaruh sikap dan kaitannya dengan pencapaian akademik dalam beberapa mata pelajaran. Kajian yang dibuat oleh Normawati (1992), sikap dan pencapaian akademik pelajar membuktikan bahawa sikap pelajar yang positif berkait rapat dengan pencapaian yang positif juga.

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa kesan mempelajari mata pelajaran KH terhadap diri seseorang pelajar menunjukkan hasil yang positif dan dapatan ini tidak selari dengan kajian yang dibuat oleh Azizi (1992) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil pelajaran pertanian di sekolah vokasional, tidak berminat untuk meneruskan pelajarannya dalam bidang tersebut. Mereka juga menyatakan mereka lebih suka pekerjaan yang tidak ada kaitan dengan pertanian. Ini menunjukkan pelajaran KH yang mereka pelajari di sekolah telah berjaya mengubah sikap untuk terus berkecimpung dalam bidang yang mereka ceburi.

Dengan mengkaji pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran KH, guru dapat mengetahui sama ada objektif KH ini tercapai atau tidak. Objektif KH adalah untuk melatih pelajar-pelajar berdikari dan di samping menggunakan pelajaran yang mereka pelajari untuk kegunaan di rumah. Dengan cara ini kita akan dapat maklumat akan keberkesannya nanti.

Sebagai rumusan daripada dimensi produk, didapati keberkesanan secara keseluruhannya adalah sederhana. Walau bagaimanapun variabel yang terdapat dalam dimensi produk memenuhi kehendak penilaian KIPP dan hasilnya telah berjaya mengesan kelemahan dan kekuatan yang terdapat dalam dimensi ini. Maklumat yang diperolehi daripada dimensi ini adalah amat penting meneruskan atau memperbaiki lagi program yang sedia ada yang dikesan mempunyai kelemahan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan daripada model ini, penyelidik mendapati model ini telah berjaya mengenalpasti beberapa kelemahan dan kekuatan sesuatu variabel yang terdapat dalam setiap dimensi. Dengan cara ini segala maklumat yang diperolehi ini dijadikan panduan untuk memantapkan lagi program KH di peringkat perancangan, penyusunan, pelaksanaan, dan penghasilan. Dapatan ini juga menunjukkan kurang keberkesanan dalam pelaksanaan KH kerana terdapat kepincangan dalam setiap dimensi dan dapatan ini juga menjadi sumber dalam membuat keputusan sama ada untuk meneruskan program, memperbaiki, menambahkan dan memberhentikan program.

Dalam kajian ini, didapati, program KH perlu diteruskan kerana program ini telah menunjukkan hasil yang baik dari aspek sikap pelajar yang dapat menghayati nilai-nilai murni, pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar. Cuma dari aspek sikap guru, terhadap perubahan, masalah peralatan dan bengkel dan cara guru melaksanakan penilaian sahaja yang

perlu diperbaiki agar program KH dapat berjalan dengan lebih berkesan.

Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, beberapa implikasi dan cadangan dibentuk.

1. Berdasarkan kepada kajian ini didapati ada guru yang bukan bidang Teknik dan vokasional mengajar subjek tersebut seperti guru agama, sains dan matematik. Ini memberi kesan yang kurang baik kerana mereka tidak dilatih dalam bidang tersebut. Oleh itu Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan bahawa mata pelajaran KH diajar oleh guru-guru yang terlatih dalam bidang kemahiran yang menggabungkan empat jenis kemahiran seperti Seni perusahaan, Sains Rumah Tangga, Sains Pertanian, dan Perdagangan.
2. Memandangkan kebanyakan guru kurang didedahkan dengan kursus-kursus yang terdapat dalam sukatan KH. Kesannya nanti dapat dilihat pelajar kurang kemahiran kerana guru-guru tidak mahir dan cekap. Oleh itu Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memperbanyakkan lagi kursus-latihan dalam pelbagai disiplin yang terdapat dalam KH dan juga memperbanyakkan peluang untuk guru-guru KH melanjutkan ke universiti. Ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada guru-guru. Dengan cara ini guru-guru lebih berkeyakinan untuk mengajar. Di antara kursus-kursus yang dikenalpasti ialah asas lukisan teknik, paip, kerjakayu, enjin, elektrik, asas perakuanan, dan pertanian. Dengan kursus yang diberi nanti akan memberi keyakinan kepada guru dan akhirnya memberi manfaat kepada pelajar.
3. Memandangkan terlalu banyak rungutan di kalangan guru-guru terhadap sukatan KH yang terlalu luas dan guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menghabiskan sukatan, maka adalah diharap pihak Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menjadikan subjek kemahiran tempat eksperimen. Setiap kali timbul sesuatu isu mengenai kemahiran, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terus memasukkan topik tersebut dalam sukatan KH. Ini terbukti dengan memasukkan topik rekacipta dalam sukatan KH. Kesannya akan menambahkan lagi masa untuk guru mengajar.
4. Kementerian Pendidikan Malaysia perlu lebih proaktif dalam membuat sesuatu perancangan. Setiap perubahan yang hendak dilakukan perlu mengambil kira persediaan yang perlu ada sebelum hendak melaksanakannya. Ini jelas dapat kita lihat dalam melaksanakan perubahan program KH, di mana pihak tertentu mengarahkan membuat perubahan dalam kurikulum KH, maka Kementerian Pendidikan Malaysia terus mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri melaksanakan program KH tanpa mengambil kira kemudahan fizikal seperti bengkel-bengkel dan peralatan, bangunan dan tenaga yang terlatih. Akibatnya timbul perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru. Kebanyakan daripada guru tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar komponen-komponen yang mereka tidak pernah belajar.
5. Terdapat juga rungutan bahawa pelajar-pelajar dalam satu kelas terlalu ramai sehingga menjangkau 40 orang. Kalau dikaji dalam KBSM bilangan pelajar dalam satu kelas tidaklah melebihi daripada 30 orang. Sekiranya bilangan pelajar dalam kelas terlalu ramai, ini sudah tertentu menyukarkan guru-guru untuk mengajar topik-topik yang berkaitan dengan amali/projek. Di samping itu juga timbul masalah untuk mengawal keselamatan pelajar semasa berada dalam bengkel. Adalah diharap pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menambahkan lagi bilangan kelas yang sedia ada dengan membina bangunan khas untuk KH. Dengan cara ini masalah yang dihadapi oleh guru-guru dapat di atasi.
6. Lembaga Peperiksaan Malaysia, Jemaah Nazir, dan kakitangan sumber daripada Jabatan Pendidikan Negeri perlu menghantar pegawai-pegawainya untuk membuat pemantauan kerja-kerja kursus yang dinilai oleh guru-guru KH. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah perlu mengadakan kursus-kursus khas tentang penilaian kepada guru-guru. Ini untuk memahirkkan guru-guru dalam membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar dalam

- mata pelajaran KH. Kursus-kursus ini perlu untuk menerangkan kepada guru tentang tujuan kursus, bagaimana menilai pencapaian, dan bagaimana membina item-item penilaian.
7. Kalau dikaji dalam sukatan pelajaran KH, didapati peratusan komponen manipulatif menjangkau sehingga 60% dan hanya menggabungkan 20% sahaja komponen-komponen seperti pertanian, dan Sains Rumah Tangga. Ini menunjukkan bahawa kewujudan subjek KH memberi manfaat kepada guru-guru daripada bidang Seni perusahan. Sementara opsyen lain terpaksa mengorbankan kepakaran yang sedia ada demi untuk melaksanakan KH. Adalah dicadangan bahawa komponen-komponen yang terdapat dalam KH perlu di sama banyakan supaya pelajar-pelajar dapat banyak manfaat kerana mereka dapat pengetahuan dan kemahiran yang seimbang daripada gabungan kemahiran yang sedia ada. Memandangkan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sekarang, kerajaan telah menggalakkan rakyat dan sekolah-sekolah menanam sayur-sayuran bagi mengurangkan pengaliran wang keluar wang kita keluar negara. Soalnya bolehkah pelajar-pelajar sekolah menanam sayur-sayuran? Sedangkan dalam KH, komponen pertanian hanya 20% sahaja. Ini sudah tentu tidak mencukupi untuk melatih pelajar-pelajar untuk mahir dalam bidang pertanian. Oleh itu eloklah kerajaan mengkaji semula komponen-komponen yang sedia ada supaya kita dapat melahirkan pelajar-pelajar lebih berketerampilan.

BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Nordin (1991). *Kurikulum Perpektif dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Adam, E. (1975). *Inservice Education and Teachers Centres*. New York: Pergamon Press.
- Ahmad Mohammad Sharif (1989). *Leader Behavior Organization Effectiveness and Job Satisfaction Vocational Teachers in Malaysia*. Dissertasi Phd. Louisiana State University.
- Arends, R. I. (1988). *Learning to Teach*. New York: Random House, Inc.
- Ariffin Hj. Zainal (1985). *Pekerja dan Pekerjaan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arfah A. Aziz (1992). *Improving the Quality of Education: Strategies for Impelemnting of Change*. Undated.
- Atkin, J.M. (1963). *Some Evaluation Problems in a Course Content Improvement Project*. J. Res. Science Teaching 1.
- Azizah Abdul Rahman & Sharifah Md. Nor (1993). Pendidikan Vokasional dalam Reformasi Pendidikan di Malaysia. Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* 37 (78): 56-67.
- Azizi Bin Hj. Yahaya (1987). *Aspirasi Pekerjaan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. UPM
- Azizi Bin Hj. Yahaya (1992). *Aspirasi Pekerjaan dan Masalah Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan*. Tesis Sarjana

- Fullan, M.G. (1992). Visions that Blind. *Educational Leadership* 49(5), 19-20.
- Garrison, F. (1991). *Planning Inservice Teacher Education: Promising Alternatives*, Bethesda, Md.: ERIC Document Reproduction Service.
- George, M. (1987). *Educational objectives*. The International Encyclopedia of Educational Evaluation (pp 171-179). Oxford, England: Pergamon.
- Stufflebeam, D.L. (1987) *Professional Standards for Assuring the Quality of Educational Program and Personnel Evaluations*. "International Journal of Educational Research," 11(1), 125-143.
- Zaleha Ahmad (1991). *Satu Tinjauan Terhadap Topik-topik Kekeluargan dalam Kemahiran Hidup*. Universiti Pertanian Malaysia. Latihan ilmiah tidak diterbitkan.